



GARIS PANDUAN PENYERTAAN

Anugerah Inovasi Menteri Besar



Pertandingan *Anugerah*
INOVASI
Negeri Perak 2022

GARIS PANDUAN ANUGERAH INOVASI MENTERI BESAR PERINGKAT NEGERI PERAK

1. TUJUAN

Garis Panduan (GP) ini bertujuan untuk **calon-calon yang layak menyertai AIMB**. GP ini **menggariskan syarat kelayakan, proses pemilihan pemenang dan kriteria penilaian AIMB 2022**.

2. OBJEKTIF

- a) Memupuk pembudayaan inovasi dalam kalangan rakyat Negeri Perak;
- b) Memperkukuhkan penghasilan inovasi produk / perkhidmatan yang berimpak tinggi kepada kesejahteraan rakyat dan ekonomi negeri;
- c) Menambahbaik perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat agar lebih cekap dan produktif

3. HADIAH PENGHARGAAN

i. ANUGERAH INOVASI MENTERI BESAR AIMB

- Wang Tunai RM 20,000.00, Sijil Penghargaan dan Piala Pusingan

4. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- a. Satu (1) Kumpulan Projek Inovasi yang mempunyai markah tertinggi daripada setiap kategori iaitu Anugerah Inovasi Pengurusan Tanah dan Daerah (AIPDT), Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT), Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (AIICT), Anugerah Inovasi Lestari Bumi Hijau (AILBH) dan Anugerah Inovasi Terbuka (AI Terbuka) layak untuk menyertai Anugerah Inovasi Menteri Besar (AIMB).
- b. Produk yang berjaya memenangi AIMB adalah disyorkan untuk **dipatenkan dan 10% hasil pendapatan** perlu dijana kepada Kerajaan Negeri Perak;
- c. Projek inovasi disarankan menepati objektif yang dinyatakan;
- d. Inovasi yang dicalonkan mestilah berkesan dengan mendatangkan faedah yang nyata dari aspek capaian hasil yang segera, ketara, jelas dan diterima umum serta meningkatkan tahap kepuasan pelanggan dan bersifat memberi faedah secara berterusan untuk jangka masa panjang (kelestarian inovasi).

- e. Inovasi yang dihasilkan boleh bersifat **Inovasi Penciptaan** (penciptaan suatu produk, perkhidmatan atau proses baharu dan belum pernah dilaksanakan di Malaysia) atau **Inovasi Penambahbaikan** (penambahbaikan sesuatu produk, perkhidmatan atau proses sedia ada melalui kaedah yang inovatif);
- f. Hanya **satu (1) pemenang yang akan dinobatkan**. Pemilihan akhir akan dilaksanakan oleh Ahli Jawatankuasa Pemilihan Anugerah Inovasi Menteri Besar yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

5. PROSES PEMILIHAN PEMENANG AIMB 2022 PERINGKAT NEGERI PERAK

- a) Tapisan oleh pihak urus setia bagi memastikan calon memenuhi **syarat kelayakan penyertaan**;
- b) **Penilaian dan senarai pendek** oleh Panel Penilai AIMB berdasarkan Kumpulan Projek Inovasi yang mempunyai markah tertinggi daripada setiap kategori iaitu Anugerah Inovasi Pengurusan Tanah dan Daerah (AIPDT), Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT), Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (AIICT), Anugerah Inovasi Lestari Bumi Hijau (AILBH) dan Anugerah Inovasi Terbuka (AI Terbuka).
- c) Lawatan tapak akan dilaksanakan bagi calon AIMB pada tarikh yang akan dimaklumkan kelak;
- d) Perakuan pemenang AIMB dilakukan oleh Jawatankuasa AIMB ;
- e) **Pengumuman pemenang AIMB** akan diumumkan dalam Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Perak Tahun 2022 yang akan dimaklumkan kelak.

6. SKALA PEMARKAHAN DAN KRITERIA PENILAIAN AIMB 2022 PERINGKAT NEGERI PERAK

BIL	KRITERIA UTAMA	MARKAH
1.	INOVATIF	20
2.	OUTCOME & IMPAK	50
3.	TAHAP REPLIKASI/ POTENSI PENGKOMERSIALAN	30
JUMLAH		100

BIL	KRITERIA UTAMA	SUB KRITERIA	MARKAH
1.	INOVATIF	Memaparkan ciri – ciri inovatif tinggi seperti kaedah atau eksperimen pelaksanaan yang benar – benar <i>leading edge</i> , perubahan organisasi yang menyeluruh atau penggemblengan teknologi yang berkesan.	30
2.	OUTCOME & IMPAK	ii) Efisien (Kecekapan) (20 markah) a) Jimat masa (5) b) Jimat kos (5) c) Tingkatkan produktiviti (5) d) Mudah digunakan (user-friendly)(5) iii) Signifikan (20 markah) a) Tinggi (impak kepada Perkhidmatan Awam; atau (10) b) Sederhana (impak kepada organisasi); atau (5) c) Rendah (impak kepada Bahagian / Unit) (5)	40
3.	TAHAP REPLIKASI/ POTENSI PENGKOMERSIALAN	i) <i>Replicability</i> (20 markah) a) Boleh dilaksanakan terus di pelbagai tempat; atau (10) b) Boleh dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut keperluan tanpa melibatkan kos yang tinggi (10) ii) Potensi Pengkomersialan (10 markah) a) Mempunyai potensi untuk dikomersialkan (10) b) Tidak sesuai untuk dikomersialkan (0)	30
JUMLAH			100

7. Untuk sebarang soalan lanjut berkaitan AIMB 2022 boleh menghubungi pihak urusetia seperti berikut:

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK
ARAS 1, BAHAGIAN KORPORAT, JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG
WAHAB, 30000, IPOH , PERAK DARUL RIDZUAN**

Puan Nor Husna binti Idris	–	013 – 5292954 / 05-2095154
Puan Wan Noor Syahirah binti Anuar	-	017 – 7002655 / 05 – 2095155
Puan Nur Sharifah Azira Binti Zulkarnain	-	019 – 4647693 / 05- 2095155

Emel : perakinovasi@gmail.com

Faks : 05 – 2555026